

Kursus Kepimpinan Pemimpin Sekolah SKK Ranche-Ranche 2019



LABUAN, 11 Mac 2019 – SKK Ranche-Ranche (Sekolah Kluster Kecemerlangan) telah menganjurkan Kursus Kepimpinan Pemimpin Sekolah selama dua hari berturut-turut.

Seramai 104 orang kepimpinan pengawas yang terdiri daripada kepimpinan pengawas sekolah seramai 35 orang, ketua dan penolong ketua kelas seramai 20 orang, pengawas pusat sumber seramai 27 orang, pembimbing rakan sebaya seramai 12 orang dan patrol denggi seramai 10 orang yang terlibat.

Kursus ini bertujuan melahirkan dan membentuk kepimpinan pelajar yang berwibawa dan serba boleh dalam membantu pentadbiran sekolah. Hal ini bertepatan dengan matlamat unit disiplin untuk melahirkan pemimpin dengan segala kompetensinya.

Kursus dimulakan dengan aktiviti ice breaking, team building dan juga mindsetting. Para peserta berpeluang untuk saling mengenali dan membina jaringan silaturahim serta kerjasama antara satu sama lain.

Hari kedua Kursus Kepimpinan diteruskan bertajuk "Motivasi Kepimpinan" yang disampaikan oleh Guru Bimbingan & Kaunseling SK Sg Bedaun, Puan Norsidah binti Mat Yassin. Beliau telah mengupas tentang membentuk keyakinan diri dan seni berkomunikasi.

Sesi terakhir kursus diisi dengan Majlis Perasmian Penutupan yang disempurnakan oleh Guru Besar, Puan Norinnie binti Kassim. Beliau menekankan tentang keperluan kepimpinan dalam mewujudkan suasana kecemerlangan di sekolah dan dapat menjalankan tanggungjawab dengan amanah.